

09 OCT 2002
TNB-PAKISTAN/I
TNB HARAP BUKA ERA BARU DI PAKISTAN

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd (TNB) berharap pembukaan rasmi loji kuasa Liberty Power di Pakistan pada 18 Okt. ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menamatkan aliran berita-berita negatif yang dikaitkan dengan operasinya di Pakistan.

"Dengan pembukaan rasmi oleh perdana menteri, kami mengharapkan permulaan yang baru, berita baru tentang pelaburan kami di Pakistan," kata pengerusi TNB, Datuk Jamaludin Jarjis, kepada Bernama di pinggiran Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur Forum Ekonomi Dunia, di sini baru-baru ini.

Dr Mahathir dijadualkan membuka loji berkenaan ketika lawatan rasmi ke Pakistan pada 18 dan 19 Okt. yang menjadi sebahagian daripada lawatan enam hari ke tiga negara termasuk India dan Arab Saudi.

Projek Liberty Power mengambil masa tiga tahun untuk dimulakan. Ia menyebabkan peningkatan kos dan memaksa TNB membuat peruntukkan sehingga RM600 juta.

Ketika serangan ketenteraan oleh Amerika Syarikat terhadap Afghanistan, TNB terpaksa memanggil balik kakitangan dari Malaysia yang bekerja di loji RM1.6 bilion itu.

Loji kuasa janaan gas asli dengan kapasiti pengeluaran 235 megawatt elektrik, kini beroperasi sepenuhnya dengan 80 orang pekerja di mana 10 orang adalah dari Malaysia.

Jamaludin berkata loji berkenaan kini berjalan dengan lancar setelah perjanjian pembelian kuasa (PPA) dengan pihak berkuasa Pakistan dimuktamadkan walaupun ada beberapa isu operasi yang harus ditangani.

PPA yang dimeterai dengan kerajaan Pakistan di bawah pentadbiran Presiden Pervez Musharraf adalah lebih rendah dari segi kadar berbanding PPA yang dipersetujui dengan kerajaan sebelum ini.

TNB, katanya, akan menikmati pulangan yang munasabah daripada pelaburannya dalam Liberty Power.

"Kami telah melabur jumlah wang yang banyak di sana. Kami perlu mendapat pulangan daripada pelaburan ini," katanya.

Pada setengah tahun berakhir 28 Feb. 2002, Liberty Power menyumbang RM145.2 juta atau dua peratus kepada jumlah pendapatan kumpulan TNB. --
BERNAMA

MAD MR JR